

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA,
TINGKAT 9-14 BANGUNAN UMBC,
JALAN SULAIMAN, KUALA LUMPUR.
23hb. Februari, 1974

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1974

Pekerja-pekerja Sementara yang tidak memiliki kelayakan penuh

Apabila gaji bersih dan syarat-syarat perkhidmatan menurut perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian dilaksanakan, pekerja sementara yang tidak memiliki kelayakan penuh seperti yang disyaratkan didalam Sekim Perkhidmatan yang berkenaan dibenarkan berpindah kepada gaji bersih. Tetapi bagi jawatan-jawatan yang telah digred semula oleh Suruhanjaya Gaji Suffian ke dalam beberapa tingkatan tertentu, pekerja sementara itu akan berpindah dengan syarat di mana mereka berpindah kepada mata gaji dalam tanggagaji yang bertindih mereka akan hanya layak dipindahkan kepada mata gaji dalam tanggagaji yang lebih rendah sehinggalah tingkata-tingkatan mereka ditentukan apabila urusan penyerapan selesai kelak. Bagaimanapun pekerja-pekerja sementara yang berpindah kepada mata gaji bersih yang lebih tinggi yang tidak pula bertindih mereka adalah layak berpindah ke mata gaji bersih itu tetapi mereka adalah dibenarkan menerima kenaikan gaji seterusnya atas tanggagaji tersebut. Peruntukan ini adalah dibekalkan dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) perenggan 15. Untuk kesenangan, di bawah ini diturunkan peruntukan tersebut :-

1. Pekerja-pekerja sementara yang tidak memiliki kelayakan penuh seperti yang disyaratkan di dalam Sekim Perkhidmatan yang berkenaan boleh berpindah kepada gaji bersih. Di dalam keadaan di mana pekerja-pekerja berpindah kepada mata gaji dalam tanggagaji yang bertindih, mereka akan hanya layak dipindahkan kepada mata gaji dalam tanggagaji yang lebih rendah sehinggalah tingkatan-tingkatan mereka ditentukan apabila urusan penyerapan selesai kelak. Bagaimanapun pekerja-pekerja sementara yang gajinya berpindah kepada mata gaji dalam tanggagaji bersih yang lebih tinggi yang tidak pula bertindih, mereka adalah layak berpindah kepada kepada mata gaji tersebut tetapi mereka tidak akan dibenarkan menerima kenaikan gaji seterusnya dalam tanggagaji tersebut."

2. Untuk menjelaskan maksud peruntukan perenggan tersebut di bawah ini diturunkan contoh-contoh bagaimana pemindahan gaji bagi pekerja-pekerja berkenaan patut dibuat. Misalannya, pemindahan gaji bagi Pegawai Kerani Sementara seperti di Jadual Bilangan 104 dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) :-

Gaji Pokok	Elaun Sara Hidup	Elaun Rumah	Jumlah	GAJI BERSIH			
				Pegawai Kerani, Tkn. I	Pegawai Kerani, Tkn. II	Pegawai Kerani, Tkn. III	Pegawai Kerani, Rendah
\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$
125.00	16.85	32.00	173.85				180.00
133.00	18.70	32.00	183.70				190.00
<u>141.00</u>	20.55	32.00	193.55			<u>200.00</u>	

				Sekatan Peperiksaan	
				215.00	
				220.00	
					(230.00)
				235.00	
					(245.00)
180.00	29.65	32.00	241.65	250.00	Sek. Peperik- saan
					(260.00)
190.00	32.00	32.00	254.00	275.00	(275.00)
200.00	34.35	32.50	266.35		
					(290.00)
<u>210.00</u>	36.35	52.50	299.15	300.00	
				325.00	
240.00	43.65	52.50	366.15)	350.00	
250.00	46.00	52.50	348.50		
260.00	48.35	52.50	360.85	375.00	
270.00	50.65	52.50	373.15)		
280.00	53.00	52.50	385.50)	400.00	(400.00)
<u>290.00</u>	55.35	52.50	397.85)		
300.00	57.65	52.50	410.15)	425.00	(425.00)
310.00	60.00	52.50	422.50)		
320.00	62.15	52.50	434.65)	450.00	(450.00)
330.00	64.30	52.50	446.80)		

Gaji Pokok	Sara Hidup	Elaun Rumah	Jumlah				
				Pegawai Kerani, Tkn. I	Pegawai Kerani, Tkn. II	Pegawai Kerani, Tkn. III	Pegawai Kerani Rendah
\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$	\$
340.00	66.45	52.50	458.95)			475.00	(475.00)
<u>350.00</u>	68.55	52.50	471.05			500.00	(500.00)
385.00	76.15	52.50	513.55			525.00	
400.00	79.30	52.50	531.80)			550.00	

415.00	82.50	52.50	550.00			
430.00	85.70	52.50	568.20		575.00	
445.00	88.95	52.50	586.45	600.00	(600.00)	
					625.00	(625.00)
					650.00	(650.00)
					675.00	(675.00)
					700.00	(700.00)
					725.00	
					750.00	
					775.00	
					800.00	

Contoh A

Pegawai Kerani Sementara yang menerima gaji \$180 (Pokok) atas tanggagaji lama akan berpindah ke atas mata gaji \$245 atas tanggagaji Pegawai Kerani Rendah dan terus layak menerima kenaikan gaji atas tanggagaji Pegawai Kerani Rendah sehingga \$290.

Contoh B

Pegawai Kerani Sementara yang menerima gaji \$210 (Pokok) atas tanggagaji lama akan berpindah ke atas mata gaji \$300 atas tanggagaji Pegawai Kerani Tingkatan III. Oleh kerana mata gaji \$300 adalah lebih tinggi daripada gaji maksima Pegawai Kerani Rendah dan mata gaji itu tidak pula bertindih, maka ia tidaklah layak menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga urusan penyerapan selesai dan tingkatannya ditentukan.

Contoh C

Pegawai Kerani Sementara yang menerima gaji \$290 (Pokok) atas tanggagaji lama akan berpindah ke atas mata gaji \$400 atas tangga gaji Pegawai Kerani Tingkatan III dan bukan Pegawai Kerani Tingkatan II. Oleh kerana mata gaji \$400 sehingga mata gaji \$500 atas tangga gaji Pegawai Kerani Tingkatan III itu bertindih dengan sebahagian dari mata gaji Pegawai Kerani Tingkatan II maka ia adalah layak menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga \$500.

Contoh D

Pegawai Kerani Sementara yang menerima gaji \$385 (Pokok) atas tanggagaji lama akan berpindah ke atas mata gaji \$525 atas tanggagaji Pegawai Kerani Tingkatan II. Oleh kerana mata gaji \$525 itu adalah lebih tinggi daripada gaji maksima Pegawai Kerani Tingkatan III dan tidak pula bertindih maka ia tidak layak menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga tingkatannya di tentukan apabila urusan penyerapan selesai.

Contoh E

Pegawai Kerani Sementara yang menerima gaji \$445 (Pokok) atas tangga gaji lama akan berpindah ke atas mata gaji \$600 atas tanggagaji Pegawai Kerani Tingkatan II dan bukan Pegawai Kerani Tingkatan I. Oleh kerana mata gaji \$600 hingga \$700 atas

tanggagaji Pegawai Kerani Tingkatan II itu bertindih dengan sebahagian dari mata gaji Pegawai Kerani Tingkatan I, maka ia layak menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga \$700.

3. Berhubung dengan pemindahan gaji pekerja sementara itu, Jabatan ini telah mendapat tahu bahawa ada Kementarian, Jabatan dan Pentadbiran Negeri yang telah memberi kenaikan gaji selanjutnya kepada Pegawai Kerani Sementara yang berada dalam keadaan seperti di Contoh B dan D di atas. Menurut peruntukan perenggan 15 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#), Pegawai Kerani Sementara dalam keadaan demikian adalah tidak layak menerima kenaikan gaji seterusnya sehingga urusan penyerapan selesai dan tingkatan mereka ditentukan.

4. Oleh hal yang demikian adalah diputuskan bahawa:-

- (i) Pegawai Kerani Sementara yang berpindah kepada gaji bersih dan tidak patut menerima kenaikan gaji selanjutnya tetapi diberi kenaikan gaji oleh Ketua Jabatan masing-masing maka gaji mereka itu hendaklah di semak semula dan disesuaikan dengan maksud peruntukan perenggan 15 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#);
- (ii) Pegawai-pegawai Sementara yang telah diserapkan dalam jawatan tetap dan diberi gajimengikut gaji mereka yang terakhir sebagai pegawai sementara dan gaji terakhir itu ialah hasil daripada pemberian kenaikan gaji yang berlawanan dengan peruntukan perenggan 15 [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) adalah juga tertakluk kepada perenggan kecil (i) di atas;
- (iii) Kenaikan gaji yang telah dibayar itu hendaklah dikembalikan (refund); dan
- [(iv) Bayaran yang dikembalikan itu bolehlah di bayar secara ansuran bulanan mengikut kadar kemampuan tetapi kurang daripada \$5 sebulan di potong daripada gaji pekerja berkenaan.]¹

5. Sementara itu semua Ketua Jabatan hendaklah memberitahu Jabatan ini bilangan pekerja sementara yang telah diberi kenaikan gaji yang tidak menurut peruntukan perenggan 15, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) itu. Ketika menghantar maklumat itu Ketua Jabatan hendaklah juga memberi penjelasan mengapa kenaikan gaji itu telah diberi sungguhpun peruntukan perenggan 15, [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) itu jelas maksudnya. Bagi Jabatan-jabatan yang tidak terlibat, Ketua Jabatan hendaklah memberitahu 'TIADA'.

6. Dengan ini juga semua Ketua Jabatan adalah diingatkan supaya lebih berhati-hati di masa akan datang apabila mentafsirkan peruntukan sebarang Pekeliling Perkhidmatan. Sekiranya timbul apa-apa keraguan, maka keraguan itu hendaklah dirujukan kepada pihak yang mengeluarkan Pekeliling berkenaan.

¹ Perenggan ini membatalkan dan menggantikan perenggan asal menurut [SPP. Bil. 13/74](#), bertarikh 9.8.74. Perenggan asal adalah seperti berikut:-

"(iv) Bayaran yang dikembalikan itu boleh dibayar secara ansuran bulanan dipotong dari gaji pekerja berkenaan atas kadar \$5.00 sebulan."

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD JALALUDIN)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha-setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.

Yang berhormat, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, Semenanjung Malaysia.